



SEBAHAGIAN pensyarah dan pelajar Usim yang menyertai Program Lawatan Sambil Belajar ke Melbourne, baru-baru ini.

Lawatan sambil belajar tingkat kualiti graduan

KAMPUS

Oleh **Khairina Yasin**
kayrina@bharian.com.my

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) terus memperkasakan agenda pengantarabangsaannya dengan menganjurkan program lawatan sambil belajar ke Melbourne, Australia, baru-baru ini.

Lawatan disertai lapan pelajar dan empat pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi (FST) itu adalah antara usaha mendedahkan pelajar dengan pengalaman global bertepatan matlamat futuristik universiti untuk mempertingkatkan kualiti graduan yang dijana setiap tahun.

Pelajar terbabit aktif kokurikulum dan kepemimpinan, selain cemerlang akademik dalam pelbagai jurusan termasuk bioteknologi makanan, sains komputer, sains aktuari dan matematik kewangan.

Sepanjang lawatan itu, rombongan Usim diketuai pensyarah FST, Razak Muhammad mengikuti pelbagai pengisian termasuk lawatan ke universiti terkemuka iaitu La Trobe University, RMIT University, Swinburn University serta Monash University, selain beberapa tempat menarik sekitar Melbourne.

Seorang peserta, pelajar Tahun Empat, Ijazah Sarjana Muda Matematik Kewangan, Mohd Zaini Othman, berkata menerusi lawatan itu, mereka didedahkan dengan input pembelajaran baru yang mampu diimplementasikan pelajar Usim bagi memantapkan proses pembelajaran.

"Dialog antara pelajar kedua-dua pihak turut diadakan dengan memfokuskan aspek perkongsian pengetahuan dan budaya, selain mengasah bakat kepemimpinan dalam persekitaran global."

"Kami turut diberi penerangan berkaitan latar belakang universiti, pengajian ditawarkan, kemudahan disediakan, pencapaian dalam bidang penyelidikan serta program pembangunan mahasiswa yang dilaksanakan universiti terbabit bagi melahirkan graduan berkualiti," katanya.

Beliau menjelaskan, penganjuran program itu bertepatan memandangkan Australia dikenali sebagai destinasi pengajian pilihan pelajar seluruh dunia termasuk Malaysia.

Program itu mendapat sokongan pihak pentadbiran fakulti serta Majlis Pengetua Kolej Kediaman Usim yang menyumbang dana terbesar bagi menjayakannya.